

19 NOV 2000

LID-HALIM

CADANGAN BENTUK KUMPULAN BIJAK PANDAI UTK RANGSANG PERKONGSIAN BESTARI

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

LANGKAWI, 19 Nov (Bernama) -- Keperluan bagi menubuhkan kumpulan bijak pandai untuk terus mengembangkan inisiatif perkongsian bestari adalah antara idea yang dicadangkan ketika Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID) bermula hari ini.

Ketua Setiausaha Kerajaan Tan Sri Abdul Halim Ali, yang juga pengerusi bersama LID 2000, berkata cadangan itu adalah antara beberapa cadangan yang diusulkan di sesi Fellows Commonwealth Partnership Technology Management (CPTM), pagi ini.

"Persoalan utama adalah bagaimana untuk membawa ke hadapan sesetengah daripada idea yang dibincangkan di Maputo dan bagaimana untuk terus mengembangkan perkongsian bestari sebagai satu pergerakan," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Pusat Media LID di Berjaya Langkawi Beach and Spa Resort, di sini.

Beliau merujuk kepada bahagian pertama dialog Global 2000 yang diadakan di ibu kota Mozambican pada Ogos lalu yang mengkaji serta melihat implikasi globalisasi ke atas negara-negara baru muncul.

Halim yang menghadiri sesi fellow CPTM berkata idea untuk membentuk kumpulan bijak pandai itu dengan anggotanya datang daripada pelbagai negara dibuat agar pelbagai isu yang telah dikenalpasti oleh ketua-ketua boleh dilihat dan diambil tindakan.

Fellows CPTM termasuklah ketua-ketua kerajaan.

"Saya rasa kumpulan bijak pandai boleh mengkaji isu-isu khusus dan melaporkannya kepada ketua-ketua kerajaan agar mereka boleh merangka pelan tindakan untuk membolehkan kita mengembangkan idea perkongsian," kata Halim.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga penasihat LID adalah pengendali bagi sesi fellow CPTM tertutup yang memulakan agenda dialog bagi tahun ini.

Halim berkata sesi itu juga membincangkan keperluan bagi negara-negara membangun untuk bekerjasama bagi isu-isu kebimbangan bersama seperti soalan mengenai hak harta intelektual.

Dialog itu yang dianjurkan bersama oleh CPTM dan Kumpulan Industri Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) Malaysia, akan melihat kemajuan yang telah dibuat di bawah konsep perkongsian bestari sejak LID bermula pada 1995.

Malam ini, Dr Mahathir akan berucap di majlis pembukaan rasmi perkongsian bestari dan majlis makan malam.

-- Bernama

AZZ FR ZK